

BERITA HARIAN, RABU, 11 JANUARI, 1978

Mahathir jelaskan sebab2 bayaran pencen lambat

KUALA LUMPUR.
Selasa — Kerajaan menyedari ramai pekerja badan berkanun yang telah bersara lebih dari tiga tahun masih belum lagi menerima bayaran pencen mengikut pelaksanaan laporan gaji harun.

Ketika menjawab soalan Senator Hajjah Salmah Sheikh Hussain, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kelewatan itu berlaku kerana pihak pengurusan badan berkanun dan penguasa tempatan mengambil masa yang lama untuk menyediakan kertas persaraan kerana pada masa lalu mereka tidak mempunyai faedah persaraan.

Katanya, tindakan telah dan sedang diambil untuk meningkatkan lagi kemahiran pekerja-pekerja berkeenaan supaya dapat memproses kerja-kerja tersebut dengan lebih cepat. — Bernama.